

# MEKANISMA UPAH KERTALAN, SEBAGAI KAEDAH TRADISIONAL PEMBAYARAN UPAH DALAM PENUAIAN PADI DI PAGAR ALAM, SUMATERA SELATAN : KAJIAN KES DESA MUARA SINDANG

Lena Erdawati<sup>1</sup>, Elvera<sup>2</sup>, Yendo Afgani<sup>3</sup>, Yetti Zulkarnain<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakultas Ekonomi dan Bisnis, Universitas Muhammadiyah Tangerang, Banten, Indonesia

<sup>2</sup> Sekolah Tinggi Lembah Dempo, Pagar Alam, Sumatera Selatan, Indonesia

<sup>3</sup> Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

<sup>4</sup> UPTD PUSKESMAS Rawat Inap Bandar, PEMKOT Pagar Alam, Indonesia

Penulis Koresponden : Yendo Afgani  
yendoeousoff@unisza.edu.my

---

**Abstrak:** Kaedah pembayaran upah bagi pekerja dalam ekonomi masyarakat tradisional dapat dilaksanakan dengan pelbagai cara mengikut kesesuaian dan persetujuan yang disepakati diantara pekerja dan pemberi upah. Kertas kerja ini dibentuk bagi mengenalpasti mekanisme upah kertalan yang masih wujud dalam sistem ekonomi tradisional masyarakat Besemah Pagar Alam, Sumatera Selatan. Pendekatan kualitatif melalui kaedah pemerhatian secara penglibatan digunapakai pada bulan Ogos 2018 selama seminggu di Kampung Muara Sindang, Pagar Alam, Sumatera Selatan. Dapatan kajian menerangkan bahawa sistem Kertalan masih dapat terus wujud sebagai cara pembayaran upah alternatif disebabkan beberapa faktor iaitu kesederhanaan kaedah pembayaran, fleksibiliti pemilik sawah dalam pengiraan hasil tuaian bagi pengiraan upah pekerja, sikap kesefahaman berasas situasi suka rela diantara kedua pelaku ekonomi serta ketiadaan pemilikan wang di kampung berkenaan.

**Kata kunci :** Kertalan, Besemah, ekonomi tradisional, Pagar Alam, Indonesia

**Abstract :** Method of wage payment for the workers in the community's traditional economy can be done through multiple ways in accordance to the the suitability, terms and agreement between the worker and employer. This paper will identify the mechanism of wage payment that still exists in the traditional economic system in the Besemah Pagar Alam community in Sumatera Selatan. This study used a qualitative approach, through a one week participant observation method in August 2018 at Kampung Muara Sindang, Pagar Alam, Sumatera Selatan. The findings shows that the Kertalan system still exists as an alternative way for wage payment. This is caused by several factors which are; the ease of payment method, the paddy owner flexibility in the harvest calculation for worker's wage, the mutual understanding between the employer and workers and the absence of money circulation in the village.

**Keywords :** Kertalan, Besemah, traditional economy, Pagar Alam, Indonesia

## Pendahuluan

Masyarakat Besemah ialah masyarakat yang tinggal di sekitar Kotamadya Pagar Alam, Sumatera Selatan Indonesia. Ayat Besemah sendiri berasal dari ayat 'be dan Semah' yang melambangkan kisah legenda mengenai penemuan ikan khas di sungai kawasan berkenaan yang mengandungi ikan 'Semah' (Yendo Afgani 2005 : Suan, Pascal dan Herpansi, 2009) sehingga sungai tersebut di panggil be semah atau mengandungi ikan Semah. Masyarakat Besemah yang masih mengamalkan ekonomi tradisional dan bergantung kepada hasil pertanian, buah kopi dan sawah (Yendo Afgani, 2013). Kertas kerja ini mengkaji bagaimana mekanisme pembayaran upah kertalan dijalankan dalam

sistem ekonomi tradisional masyarakat Besemah. Ia menerangkan proses, keunikan dan kelebihan kaedah pembayaran mengikut sistem ekonomi tempatan.

### **Dinamika Ekonomi Tradisional Luar bandar dan Pertumbuhan Ekonomi**


Terdapat banyak bukti tentang hubungan diantara pertanian di kawasan luar bandar ke pertumbuhan ekonomi, dan tentang mengapa dinamika ekonomi luar bandar menjadikan pertumbuhan ini lebih 'pro-poor'. Pertama, adalah penting untuk diingat rekod sejarah ekonomi menyatakan bahawa hampir apa sahaja yang mempercepat pertumbuhan ekonomi jangka panjang juga akan mempercepat pengurangan kemiskinan. Kedua, pertanian boleh memainkan peranan penting dalam proses ini, terutama di negara-negara miskin di mana ia mempunyai peranan besar dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan penggunaan tenaga buruh.

### **Pembangunan Luar Bandar dan Pertumbuhan Pertanian**

Di kawasan luar bandar Indonesia, produktiviti pertanian memiliki peranan signifikan dalam memberikan kesan positif terhadap tiga aspek iaitu penjagaan sumber makanan dengan fungsinya sebagai enjin pengeluar makanan, pengurangan kemiskinan dan perkembangan ekonomi yang pesat.

Di negara yang sedang membangun dan negara-negara miskin, kebanyakan penduduknya masih berada pada tahap ekonomi sederhana dan sebahagian besar penduduknya tinggal di kawasan luar bandar dan menggantungkan sumber pendapatannya daripada sektor pertanian. Bagi menjamin penyediaan dan keperluan makanan pada peringkat daerah dan kebangsaan mereka bergantung dengan kestabilan dan peningkatan produktiviti pertanian. Oleh itu bagi Akiyama dan Larson (2004), mereka menyatakan bahawa 'trilogi pembangunan' iaitu sebagai fungsi penjagaan dan penyediaan makanan, pertumbuhan ekonomi yang pesat serta penurunan kemiskinan dihubungkan dengan fungsi pertanian.

**Rajah 1 : Trilogi Pembangunan berasas Pertanian**



Diadaptasi dari Akiyama T., Larson D. F., (2004) “Rural Development and Agricultural Growth In Indonesia, The Philippines And Thailand. World Bank Report.”

Di Indonesia, sektor pertanian pada peringkat kebangsaan memberikan sumbangan yang signifikan ke atas perekonomian negara dengan mencipta 42% peluang pekerjaan berbanding sektor industri yang hanya menyumbang kepada 23.9% of GDP pada tahun 2010 (Fahmi, 2014). Dalam konteks Kota Pagar Alam, penglibatan komuniti dalam bentuk unit keluarga terhadap sektor pertanian di Pagar Alam ialah tinggi. Komuniti yang terlibat dalam aktiviti pertanian dipanggil ‘Rumah Tangga Usaha Pertanian’ menurut Badan Statistik Kota Pagar Alam (ST2013) ‘*Rumah Tangga Usaha Pertanian*’ adalah rumah tangga yang salah satu atau lebih anggota rumah tangganya mengelola usaha pertanian dengan tujuan sebagian atau seluruh hasilnya untuk dijual, baik usaha pertanian milik sendiri, secara bagi hasil, atau milik orang lain dengan menerima upah, dalam hal ini termasuk jasa pertanian’.

Berdasarkan angka sementara hasil statistik lengkap Sensus Pertanian 2013, jumlah usaha pertanian di kota Pagar Alam sebanyak 17.936 diusahakan oleh rumah tangga, ini memberikan sumbangan ekonomi yang besar kepada kota Pagar Alam. Berdasarkan produk domestik Regional Bruto atau PDRB tahun 2012, sektor pertanian memberikan sumbangan yang cukup besar terhadap perekonomian Kota Pagar Alam iaitu sebesar 25,16 % dari total PDRB. Sedangkan dari data Survei Angkatan Kerja yang dilakukan oleh BPS, pada tahun 2012 Penduduk Kota Pagar Alam berumur 15 tahun ke atas yang bekerja di sektor pertanian sebesar 50,73 persen. Ini bermakna Sektor Pertanian di kota Pagar Alam sangat berpengaruh terhadap perekonomian dan kemakmuran penduduk Kota Pagar Alam. Sehingga kota ini dipanggil sebagai kawasan penghasil padi

yang mampan. Pengeluaran padi kawasan ini bukan sahaja mendapat gelaran ‘swasembada’ atau boleh menghasil sendiri bahan makanan tanpa perlu membeli dari luar kawasan, bahkan juga telah digelari mampan atau ‘sustainable’ disebabkan keluaran padinya melebihi jumlah piawai keperluan masyarakat tempatan.

Menurut Badan Penelitian Teknologi Pangan atau BPTP Sumatera Selatan (2017), Dengan perkiraan jumlah penduduk tahun 2016 sebanyak 135.328 orang (BPS, 2017) dan pengambilan beras 102 kg per kapita, keperluan beras Kota Pagaralam adalah sebanyak 13.905.456 kg. manakala, keluaran gabah hasil tuai tahun 2016 mencapai 42.286 ton GKG atau sama dengan 26.344.178 kg beras.

### **Metodologi dan pengurusan data**

Pengkaji membagi masa selama seminggu daripada 19 sehingga 26 Ogos di kampung Muara Sindang, Pagar Alam Indonesia. Pada masa berkenaan ialah masa musim penuaian padi. Dengan kaedah *participation observation* atau pemerhatian secara penglibatan pengkaji terlibat secara terus dengan aktiviti Kertalan. Pengambilan gambar dilakukan bagi merakamkan aktiviti Kertalan. Temubual dengan pemilik sawah dan salah seorang pekerja kertalan dilaksanakan secara *in dept interview*.

### **Dapatan dan perbincangan**

Masyarakat desa Muara Sindang merupakan masyarakat yang menjadikan sumber penghasilan utamanya kepada sektor pertanian. Menurut Farrington et all (1999) terdapat lima jenis sumber penghasilan yang dapat diusahakan oleh masyarakat luar bandar berasas pertanian untuk mempertahankan kehidupan *iaitu financial capital* (modal kewangan), *Physical capital* (modal fizikal), *natural capital* (modal alam), *human capital* (modal manusia) dan *social capital* (modal sosial). Apabila dikaitkan dengan lima pandangan tersebut maka pembagian jenis modal ekonomi merujuk kepada kaedah Kertalan ialah sebagai berikut.

**Jadual 1 : Jenis Modal Ekonomi Pengkelasan Farrington Dikaitkan dengan Kaedah Upah Kertalan**

<b>Jenis Modal Ekonomi Tradisional</b>	<b>Kaedah Kertalan</b>	<b>Catitan</b>
Modal Kewangan	Hanya dimiliki oleh pemilik sawah	Modal kewangan terpusat kepada individu pemilik sawah. Dalam

*Mekanisma Upah Kertalan, Sebagai Kaedah Tradisional Pembayaran  
Upah dalam Penuaian Padi di Pagar Alam, Sumatera Selatan :  
Kajian Kes Desa Muara Sindang*

		<p>sesebuah Desa, tidak semua ahli komuniti memiliki sawah yang luas untuk dituai. Kepemilikan saiz sawah yang luas juga menunjukkan kekuatan kewangan seseorang di kawasan luar bandar. Hanya pemilik tanah bersaiz luas yang akan menguna pakai kedah kertalan</p>
Modal Fizikal	<p>Dimiliki oleh ahli komuniti yang terlibat dalam bentuk tenaga kerja</p>	<p>Pemilik sawah dan pekerja sama sama bekerja di Kawasan tuaian padi. Walaubagaimanapun tugas pemilik sawah lebih kepada mengawasi dan menyelia kerja tuaian padi, penyediaan dan penghantaran masakan dan minuman dari kampung ke kawasan tuaian</p>
Modal Manusia	<p>Dimiliki oleh semua ahli komuniti, diwakili samaada dalam bentuk jantina, usia</p>	<p>Kaedah kertalan melibatkan pelbagai lapisan usia tanpa mengira perbezaan jantina dan usia.</p>
Modal Alam	<p>Dimiliki oleh pemilik sawah dalam bentuk saiz</p>	<p>Modal alam juga bermakna bahawa masyarakat bergantung kepada ketersediaan air untuk tujuan pengairan, ia bergantung kepada geografi kawasan berkenaan secara semula jadi</p>
Modal Sosial	<p>Dimiliki oleh semua ahli dalam komuniti dalam bentuk sifat kebersamaan, gotong royong, kejujuran, pengertian dan sikap dinamik dalam pemberian upah</p>	<p>Modal sosial ialah satu setting norma dan kebijaksanaan yang dianuti dan wujud dalam masyarakat tradisional yang tidak bergantung kepada domain keuntungan dan nilai wang dalam melaksanakan sesebuah aktiviti.</p>

Proses aktiviti kertalan dimulakan sejak mula kira kira pukul 8 pagi sehingga pukul 5 petang. Ia dilakukan selama beberapa hari masa penuaian. Lamanya proses dan aktiviti kertalan ialah bergantung beberapa aspek seperti luas kawasan sawah yang akan dituai, jumlah ahli peserta kertalan yang terlibat, dan faktor cuaca. Ini bermakna semakin luas kawasan padi yang akan dituai serta ramainya ahli kertalan yang terlibat akan memberi kesan kepada lamanya proses tersebut. Manakala faktor cuaca juga memberi kesan dari segi sekiranya tiada hujan masa proses kertalan akan memudahkan aktiviti penuaian padi. Proses penuaian dimulakan dengan pembentukan kerja berpasangan setiap satu kelompok terdiri dari dua orang akan menuai dengan mengetam atau memotong batang padi yang telah masak dengan pisau tajam khas yang dipanggil 'arit'. Hasil potongan padi berkenaan seterusnya dikumpulkan di satu bekas kain. Setelah kapasiti padi dianggap cukup maka pasangan berkenaan akan memikul dan membawa padi tuaian ke tempat penumpukan di tengah tengah kawasan tuaian.

Berdasarkan temu bual dan pemerhatian yang dijalankan, maka didapati beberapa factor penting yang menyebabkan aktiviti kertalan diamalkan oleh masyarakat Besemah.



**Gambar 1 :** pekerja bekerja secara berpasangan

### **1. Tanggungjawab dan kewajiban**

Pemilik sawah biasanya telah menyediakan air panas di pondok sawah terdekat dengan kawasan penuaian sebelum para pekerja datang ke sawah. Air panas diperlukan bagi membuat kopi bagi penyediaan makanan awal untuk para pekerja. Bagi masyarakat besemah minuman kopi adalah jenis minuman yang senantiasa dihidang dalam apa-apa acara rasmi dan tidak rasmi. Begitu juga dalam aktiviti kertalan. Kopi ialah minuman yang dihidangkan dan dipercayai menambah tenaga bagi para pekerja.

Ketika para pekerja memulakan proses penuaian sejak jam 8 pagi maka sejam kemudian iaitu jam 9 pemilik sawah akan menghantar bubuk kopi, gula, makanan berasas tepung dan kuih muih. Untuk dihidangkan sebagai makanan ringan ketika mereka bekerja manakala makanan yang dihidangkan dalam pemerhatian pengkaji ialah sebagai mana diterangkan dalam gambar 2.



**Gambar 2 :** Penghantaran makanan ke sawah dan jenis makanan yang dihantar

Dalam aturan sistem upah ini, pemilik sawah terikat kepada aturan yang tidak tertulis dan dianggap sebagai norma, bahawa mereka mesti menyediakan minum pagi (kopi), minum tengah hari (kopi dan makanan agak berat) dan minum petang. Manakala pekerja akan membawa sendiri makanan dari rumah masing-masing untuk makanan tengah hari. Pada masa tinjauan dilaksanakan maka penulis berkesempatan mengantar makanan untuk pekerja. Makanan terdiri dari bahan kopi dan juadah basah, dan makanan berasas tepung yang dipanggil bakwan.

## **2. Sistem pengiraan upah yang dinamik**

Proses kertalan menerapkan sistem bagi hasil 10:1 ini bermakna setiap 10 karung padi yang dituai akan memberi kesan kepada pemberian upah 1 karung padi kepada ahli pekerja kertalan. Ini bermakna, Setiap 10 karung yang diperolehi secara bersama-sama maka ahli kertalan mendapat hak 1 karung sebagai upah. Pada masa penuaian padi selama dua hari diperolehi 40 karung padi gabah. Daripada 40 karung padi gabah berkenaan kumpulan pekerja memperolehi 4 karung padi gabah. Dengan nilai satu karung padi gabah adalah bersamaan dengan 70 kg dikali jumlah karung yang diperolehi bagi pihak kumpulan. Ini bermakna dengan nilai ekonomi  $70\text{kg beras} \times 4 = 280 \text{ kg}$ , dan

dibagikan kepada 20 orang maka setiap orang mendapat 14 kg. dengan nilai setiap kg beras ialah Rp. 12.000 maka nilai selama dua hari bekerja, seorang pekerja mendapat upah Rp 168,000 atau Rp. 84,000 sehari.

Upah ini dianggap jauh lebih tinggi berbanding jika mereka memperoleh upah harian disawah di kawasan berkenaan iaitu Rp. 30,000. Dari segi bilangan pekerja, Semakin ramai ahli kumpulan yang terlibat dengan tuaian padi, maka semakin cepat proses penuaian padi 'ngetam' diselesaikan di kawasan sawah tersebut. Walaupun begitu ia memberi kesan kepada semakin sedikit upah yang diperolehi setiap individu dan begitu juga sebaliknya.

Dalam aktiviti kertalan, para pekerja akan bekerja secara bekerja sama. Mereka biasanya memilih kerja secara berpasangan untuk mengangkut hasil tuaian. Mereka juga kadang terdiri daripada suami dan isteri. Hasil tuaian dikumpulkan di tengah tengah kawasan sawah supaya dapat mudah dijangkau.



**Gambar 3 :** Proses pengumpulan padi

### **Kelebihan menggunakan kaedah kertalan.**

#### **Kelebihan Bagi pekerja**

##### **1. Upah lebih tinggi.**

Dibandingkan dengan mekanisme upahan harian iaitu Rp. 35,000 perhari, maka dengan kaedah upahan kertalan, pekerja akan mendapat upah lebih dua kali ganda (Rp 84,000) sehari ini tentunya lebih menguntungkan bagi pekerja.



## **2. Sifat dinamik pemilik sawah**

Pemilik sawah yang memperkerjakan buruh dengan kaedah kertalan biasanya bersikap kurang lebih dalam pengiraan upah pekerja. Contohnya dalam pengiraan berat padi ia diterangkan sebagai mana kenyataan pemilik sawah

*'... dalam pembagian hasil kadangan kami lebihka..contohe die dek sampai 10 karung dapat padi..Cume sembilan karung gholeh...tapi masih ku enjuk dan diitung 10 karung..jadi dapatla mereka sekarung itungan....'*

(Ibu Y, pemilik sawah dan pemberi upah kepada ahli kertalan)

Dalam pembagian hasil tuaian kadang-kadang sekiranya para ahli pekerja hanya memperolehi 9 karung, pemilik dengan kerelaan hati masih menganggapnya mencapai 10 karung untuk memudahkan para pekerja memperolehi bahagian 10 berbanding satu dalam pemabayar upahnya.

### **Kelebihan bagi pemilik sawah**

#### **1. Kelebihan Dari segi masa**

Bagi pemilik sawah akan lebih menguntungkan dari segi masa ngetam berbanding dengan kaedah upah harian disebabkan masa penuaian akan lebih singkat sehingga membenarkannya untuk mengerjakan pekerjaan lain.

#### **2. Kelebihan dari segi tenaga**

Dengan sistem Kertalan, pemilik sawah kurang menggunakan tenaga dan lebih santai ini diakui oleh pemilik sawah yang kadang dengan kaedah harian ia kadang harus bekerja kuat bahkan kadang lebih berat dibandingkan pekerja.

*' eew..ame nga upahan harian tu..kadang kami yang lebih susah..kadang kami yang begawe lebih berat, ngawasi juge..begawe juge..lemakla nga care kertalan..''*

(Ibu Y, pemilik sawah dan pemberi upah kepada ahli kertalan)

Bermakna dengan kaedah upahan harian kadangkala pemilik sawah yang bekerja dengan beban lebih berat disebabkan bukan sahaja bekerja dengan pekerja tetapi termasuk mengawasi ini menyebabkan pemilik sawah memilih kerja kertalan.

Pemberian upah dengan kaedah upahan harian boleh menyebabkan kecenderungan pekerja yang lebih suka santai sehingga melambatkan bebanan kerja harian. Ini disebabkan pekerja menganggap mereka bekerja dari pagi sehingga petang tanpa piawai target sasaran harian. Mereka menganggap samada beban atau target harian samada kerja secara penuh atau secara lebih santai adalah sama tanpa mengurangkan upah mereka. Jadi kecenderungan untuk melambatkan masa adalah tinggi disebabkan semakin lama mereka dipekerjakan akan semakin lama mereka akan memperolehi pekerjaan.

### **Penggunaan beras sebagai alat pembayaran alternatif**

Kaedah ini juga membenarkan penggunaan beras sebagai pengganti wang sebagai alat pembayaran. Dikampung-kampung dalam masyarakat Besemah di Kota Pagar Alam penggunaan beras sebagai alat pembayaran untuk pembayaran upah dan pembelian bahan-bahan masakan adalah meluas dan dipertahankan sehingga kini. Selain menggunakan wang beras juga diterima pakai oleh kedai-kedai runcit untuk kaedah pembayaran. Kaedah kertalan walaubagaimanapun dalam pemerhatian pengkaji masih menggunakan kaedah pembayaran dengan beras sebagai ganjaran kepada pekerja. Penerimaan masyarakat terhadap penggunaan beras sebagai alat pembayaran juga dinyatakan oleh salah satu pekerja dan masyarakat tempatan Desa Muara Sindang.

*“ dikampung ni kadangan kami dek beduit untuk setiap hari tu kan.., dan sebagai alat pertukaran tepakse kami gunaka beras..nak beli sayur ke warung kami mbatak beras, nak beli minyak masak kami mbatak beras..kadangank nak mbeli rokok bae kami mbatak beras ke warung..aku pernah merhatika..menganalisa nian luk mane penggunaan beras untuk konsumsi makanan harian nga untuk alat pembayaran..aku simpan (letak) beras 20 kg di ember khusus untuk makanan seminggu,,satu agi aku simpan di ember bada beras khusus untuk dibayarkah ke warung..ku kinai yang ember ember berisi beras untuk makanan seminggu dide habis setengah walaupun dah seminggu,,padahal ember beras untuk tukaran belian diwarung baru 2 atau 3 hari lah nak habis..”*

(Bapak F, respondens ahli kertalan, penduduk tempatan Desa Muara Sindang)

Bapak F menyatakan bahawa sebagai warga kampung ia tidak selalu memiliki wang tunai untuk dibayarkan sebagai alat pembayaran. Sebagai gantinya Ia menggunakan beras untuk ditukar kepada pemilik warung runcit. Pembelian sayur, minyak masak dan

rokok juga boleh ditukar dengan beras. Ia juga pernah menganalisa bagaimana penggunaan beras sebagai alat pembayaran dengan menggunakan dua baldi yang di isi 20 kg beras setiap satunya. Satu baldi beras dihaskan untuk keperluan makanan selama seminggu manakala satu baldi lagi untuk sebagai alat pembayaran ketika ketiadaan wang. Baldi beras bagi kegunaan masakan setiap hari setelah seminggu masih menyisakan bagi lebih separuh manakala baldi beras yang digunakan untuk alat pembayaran telah kosong dalam masa 2 -3 hari. Ini bermakna mereka menggunakan beras sebagai alat pembayaran lebih kerap dan memberi kesan kepada kecepatan masa beras habis digunakan berbanding dengan dengan penggunaan beras sebagai bahan yang dimasak dan dimakan oleh satu keluarga.

### **Kesimpulan**

Kaedah kertalan adalah kaedah pembayaran upah dalam ekonomi tradisional tempatan yang masih digunapakai oleh masyarakat Besemah sehingga kini. Kaedah ini masih diterapkan oleh masyarakat tempatan yang penghasilan atau sumber ekonominya masih berasaskan kepada sektor pertanian. Kaedah ini terus wujud dan diamalkan oleh ahli komuniti disebabkan kelebihan-kelebihan tertentu dalam pelaksanaannya seperti sikap kurang lebih dan kebijaksanaan pemilik sawah dalam pengiraan bahagian upah pekerja, penyediaan makanan dan minuman oleh pemilik sawah serta kemudahan kaedah pembayaran upah melalui ganjaran bukan wang iaitu penggunaan beras. Dari perspektif modal sosial kaedah kertalan dilaksanakan merujuk kepada asas gotong royong dan nilai kebersamaan yang masih wujud merupakan sifat unggul masyarakat Melayu Besemah.

### **Rujukan**

- Akiyama T., Larson D. F., (2004) Rural Development and Agricultural Growth In Indonesia, The Philippines And Thailand. World Bank Report.
- BPS Kota Pagar Alam “ Angka Sementara hasil sensus pertanian 2013 Kota Pagar Alam”.
- Fahmi, F.Z., Creative Economy Policy In Developing Countries: The Case Of Indonesia (2014). Regional development and Globalisation: Best practices. ERSA 54 th Congress, St Petersburg, Russia.

*Mekanisma Upah Kertalan, Sebagai Kaedah Tradisional Pembayaran  
Upah dalam Penuaian Padi di Pagar Alam, Sumatera Selatan :  
Kajian Kes Desa Muara Sindang*

Farrington, J., Carney, D., Ashley, C., & Turton, C. (1999). Sustainable livelihoods in practice : Early application of concepts in rural areas. Natural Resources perspective 42. London Overseas Development Institute.

Suan, A. B. Pascal, E.K. Herpansi, Y. (2009). *Sejarah Besemah : Dari Zaman Megalitikum, Lampik Empat Sehingga ke Kota Perjuangan*. Kerjasama Pesake (Pecinta Sejarah dan Kebudayaan) dengan Pemerintah Kota Pagar Alam. Pagar Alam.

Yendo Afgani (2005) Kemapanan Kuar Bandar : Satu Kajian Ke Atas Pengamalan Sikap dan Prinsip Hidup Mapan Pada 'Komuniti Besemah' Kabupaten Lahat, Sumatera Selatan. Tesis Sarjana Perancangan bandar dan wilayah. Fakulti Alam Bina. UTM. tidak dipublikasikan

Yendo Afgani (2014) "Atribut Budaya Sebagai Ejen Pembentukan Ruang Awam Kayik "  
Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Alam Bina. UTM. Tidak dipublikasikan.